

Bab 7

Kesimpulan

7.0. Pendahuluan

Kajian ini yang bertajuk, ‘Filem-Filem Tamil Di Malaysia: Suatu Pemerhatian Terhadap Ketaksamaan Sosial’ meneliti ketaksamaan sosial masyarakat India Malaysia seperitimana digambarkan oleh FFTM (filem-filem Tamil Malaysia). Kewujudan ketaksamaan sosial ini dianalisis menerusi tiga aspek utama yang menentukan ketaksamaan sosial dalam sesuatu kelompok masyarakat iaitu status sosial, kelas sosial dan kuasa. Ketiga-tiga aspek ini dikaji berdasarkan faktor-faktor seperti budaya, agama/kepercayaan, pendidikan, ekonomi, gender dan politik/pentadbiran.

Sumber utama kajian ini ialah tiga belas buah FFTM yang terpilih. Oleh kerana bahan kajian asas sudahpun sedia diterbitkan, maka kajian ini adalah bersifat kajian perpustakaan yang mementingkan aspek interpretasi. Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk tulisan deskriptif. Oleh hal yang demikian, kajian semasa adalah tergolong dalam kajian kualitatif. Dalam usaha ini, pendekatan hermenutik telah digunakan untuk memastikan pengumpulan dan analisis data dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Analisis data dalam kajian ini diperteguhkan dengan bantuan tiga buah teori

seperti teori struktural-fungsional, teori konflik dan teori semiotik (semiologi komunikasi, kod-kod budaya, semiotik sosiologi). Selain itu, penemuan-penemuan awal serta pandangan para sarjana dalam bidang kajian turut dimanfaatkan supaya penemuan kajian dapat dipertahankan secara akademik.

7.1. Penemuan Kajian

Sebagai langkah pertama, sejarah perkembangan industri perfileman diteliti. Filem didapati lahir apabila terciptanya teknik fotografi dan projektor oleh adik-beradik Lumiere (Louis dan Auguste). Mereka ini telah berjaya menayangkan filem pertama pada 28hb Disember 1895, di Grand Cafe, Paris. Kemudiannya industri ini berkembang ke benua-benua lain termasuk ke benua Asia. Di benua Asia, tiga buah industri perfileman iaitu di India, Jepun dan China adalah penting. Dalam pada ini industri perfileman India menduduki tahap tertinggi di benua Asia dan tempat kedua di arena antarabangsa. Di benua kecil India pula, industri perfileman Bollywood yang menghasilkan filem-filem Hindi dan Kollywood yang menghasilkan filem-filem Tamil adalah amat popular. Kajian menunjukkan bahawa industri perfileman Kollywood telah menjadi pendorong kepada kewujudan industri perfileman Tamil di Malaysia.

Sejarah perfileman Tamil Malaysia didapati bermula dengan penerbitan filem berjudul, *Ratta Pei* (Hantu berdarah). Ini bukanlah sebuah filem penuh, sebaliknya ialah sebuah filem pendek, diterbitkan oleh Mu.Bahruthin pada tahun 1968. Ini diikuti dengan penerbitan filem berjudul, *Naan Oru Malaysian*. Filem ini adalah filem penuh, diterbitkan pada tahun 1991. Usaha kedua ini dibuat oleh Sugan Panchataram selepas dua puluh tiga tahun filem Malaysia pertama diterbitkan. Hal ini sedemikian kerana FFTM belum dapat diterima oleh masyarakat India Malaysia kerana mereka dilambakkan dengan filem-filem Tamil dari Kollywood yang kualitinya dari hampir segala segi adalah jauh lebih baik. Oleh itu, filem *Naan Oru Malaysian* tidak berjaya dalam pasaran tempatan.

Hal ini telah membuatkan para penerbit tempatan untuk beralih ke penerbitan drama-drama Tamil dan telefilem-telefilem Tamil yang lebih selamat dari segi pasaran dan nilai komersial. Usaha ketiga pembikinan filem Tamil Malaysia berlaku pada tahun 2005, iaitu selepas empat belas tahun. Filem ini yang berjudul, *Chemman Chaalai* telah berjaya ditayangkan di pawagam-pawagam tempatan. Penemuan kajian menunjukkan bahawa usaha ini telah memberikan semangat baru kepada para penerbit filem Tamil tempatan untuk menghasilkan FFTM. Kajian menunjukkan bahawa industri perfileman Tamil Malaysia semasa sudahpun mencapai kestabilan dari segi nilai komersial dan juga telah banyak mengalami penambahan kualiti filem itu sendiri.

Penemuan kajian terhadap FFTM menunjukkan bahawa unsur status sosial memainkan peranan penting dalam mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan

kelompok masyarakat India Malaysia. Unsur hormat-menghormati dalam kalangan ahli keluarga khususnya hormat kepada ibu bapa dan suami didapati membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan anak-anak dan isteri. Manakala hormat kepada guru dan orang tua juga melahirkan ketaksamaan dalam institusi sosial.

Kajian menunjukkan bahawa budaya kehidupan orang India memberikan status kesucian yang hampir sama bagi Tuhan, ibu bapa, suami dan guru. Pada amnya, hormat kepada golongan ini adalah suatu kebiasaan yang menjadi nilai universal. Tetapi menjunjung mereka sebagai seiras dengan nilai ketuhanan adalah suatu aspek budaya India yang unik, membawa kepada ketaksamaan sosial yang istimewa, walau dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Penemuan kajian juga menunjukkan bahawa menghormati ibu bapa, suami, guru dan orang tua bukan sahaja membawa status sosial kepada mereka yang dihormati, tetapi turut membawa status sosial yang lebih baik kepada orang yang memberikan penghormatan kepada mereka.

Selain itu, penemuan kajian terhadap FFTM juga menunjukkan bahawa pengamalan nilai-nilai moral dan keruntuhan nilai-nilai moral dalam kalangan masyarakat memainkan peranan penting dalam usaha menentukan status sosial seseorang individu mahupun kelompok masyarakat. Kajian semasa menunjukkan bahawa maruah diri diangkat sebagai aspek utama dalam menentukan status sosial seseorang individu dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Hal ini jelas ternyata daripada pegangan masyarakat India sejak zaman awal lagi yang melihat maruah diri lebih tinggi nilainya berbanding dengan nyawa.

Begitu juga dengan nilai mengenang budi yang dipercayai dan diperakukan sebagai salah suatu aspek yang penting dalam penentuan status sosial seseorang individu. Sebaliknya, gejala tidak mengenang budi digambarkan dalam FFTM sebagai salah suatu perbuatan yang dapat menjatuhkan serta mengaibkan status sosial seseorang individu itu. Penemuan kajian juga menunjukkan bahawa nilai bantu-membantu memberikan sumbangan yang agak signifikan dalam menentukan status sosial seseorang individu. Hal ini didapati mengekalkan status seseorang individu walaupun selepas beliau meninggal dunia.

Hasil kajian semasa menunjukkan bahawa, FFTM menggambarkan keruntuhan moral sebagai salah satu faktor penyumbang ketaksamaan sosial yang penting. Pelbagai aktiviti keruntuhan moral seperti meminum arak, berjudi, penagihan serta pengedaran dadah, pelacuran, mengadakan hubungan seks haram, melibatkan diri dalam aktiviti pengsterisme dan sebagainya meruntuhkan status sosial seseorang individu. Hal ini juga mewujudkan perbezaan nilai kehidupan dan akhirnya membawa kepada ketaksamaan sosial antara golongan yang berpegang kepada nilai-nilai kehidupan yang positif dan mereka yang melibatkan diri dalam gejala-gejala yang tersebut di atas.

Seterusnya, kajian FFTM juga menunjukkan bahawa imej luaran dan pemilihan kata tutur yang digunakan dalam pertuturan diri seseorang individu juga menjadi penentu status sosial seseorang individu. Hal ini kerana, imej luaran dan gaya serta perkataan yang

digunakan dalam pertuturan menjadi identiti kepada kelompok masyarakat tertentu yang mencerminkan nilai kehidupan mereka. Hal ini juga membawa kepada ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia.

Seterusnya, penemuan kajian menunjukkan bahawa perbezaan status sosial juga wujud antara golongan pemain peralatan muzik elit dengan golongan pemain peralatan muzik rakyat. Perbezaan status sosial yang sama turut kelihatan antara golongan pengamal agama teks agama Hindu dengan pengamal kepercayaan rakyat India. Walaupun kedua-dua aspek ini tidak diangkat sebagai unsur penting dalam FFTM, tetapi kewujudannya tetap digambarkan dalam FFTM. Penemuan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri seperti sistematik dan penginstitusian yang terdapat pada agama teks dan muzik elit ini tidak kelihatan pada kepercayaan rakyat dan muzik rakyat orang India. Keadaan ini didapati membawa perbezaan status yang ketara antara pengamal agama teks dan pemain muzik elit dengan pengamal kepercayaan rakyat dan pemain peralatan muzik rakyat. Manakala perbezaan ini pula mewujudkan ketaksamaan sosial yang ketara antara pengamal agama teks dengan pengamal kepercayaan rakyat dan pemain peralatan muzik elit dengan pemain muzik rakyat.

Penemuan kajian semasa turut menunjukkan bahawa aspek pendidikan juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan ketaksamaan sosial antara golongan berpendidikan dan tidak berpendidikan. Perbezaan status sosial antara golongan berpendidikan dan tidak berpendidikan ini jelas kelihatan dalam FFTM seperti mana yang

wujud dalam realiti kehidupan orang India Malaysia. Perbezaan status sosial ini didapati wujud daripada kepentingan dan fungsi yang dimainkan oleh orang berpendidikan dalam kemajuan institusi keluarga, masyarakat dan negara yang membawa penghormatan kepada bangsa dan negara. Berdasarkan fungsi ini penghormatan dan kepentingan yang dinikmati oleh golongan berpendidikan tidak diberikan kepada golongan tidak berpendidikan. Justeru itu, pendidikan didapati boleh membawa ketaksamaan sosial yang nyata sekali dalam kalangan orang India Malaysia.

Selain daripada status sosial, kelas sosial juga didapati memainkan peranan penting dalam kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Aspek ekonomi yang menjadi asas pembentukan kelas sosial digambarkan dengan jelas sekali dalam FFTM yang dikaji. Hal ini kerana faktor ekonomi adalah perkara yang paling ketara dalam menggambarkan perbezaan kedudukan antara individu dalam kehidupan sosial. Kajian terhadap FFTM menunjukkan bahawa ketaksamaan sosial digambarkan dari segi perbezaan pendapatan antara golongan pekerja biasa dengan golongan berpendidikan, pendapatan para peniaga, perbezaan antara golongan miskin dan kaya serta peranan kelas sosial ini dalam penentuan jodoh.

Penelitian terhadap FFTM menunjukkan bahawa perbezaan pendapatan antara golongan berpendidikan dan kurang berpendidikan membentuk perbezaan kelas sosial antara mereka. Kehidupan orang yang tidak atau kurang berpendidikan digambarkan jarang berpeluang menikmati ganjaran sosial sepenuhnya kerana adanya batasan pendapatan.

Sebaliknya, FFTM menggambarkan golongan berpendidikan yang bersifat profesional memperolehi ganjaran kehidupan yang jauh lebih baik. Justeru itu, perbezaan pendapatan ini didapati mewujudkan ketaksamaan sosial yang ketara antara kedua-dua golongan ini.

FFTM jelas menggambarkan golongan peniaga sebagai menikmati kedudukan sosial yang lebih baik berbanding dengan golongan berpendidikan mahupun tidak berpendidikan. Penemuan kajian menunjukkan bahawa golongan berpendidikan mahupun tidak berpendidikan terpaksa bergantung kepada golongan peniaga kerana sumber pendapatan kedua-dua golongan ini adalah diperoleh daripada golongan yang melibatkan diri dalam perniagaan. Keadaan ini juga dengan jelasnya menunjukkan akan kewujudan ketaksamaan sosial antara ketiga-tiga golongan tersebut dari segi aspek kelas sosial. Namun demikian FFTM tetap memuatkan maklumat positif bahawa ketaksamaan sosial dalam kelas sosial boleh berubah mengikut usaha yang dilakukan oleh seseorang individu itu.

Selain itu, penemuan kajian turut menunjukkan akan kewujudan ketaksamaan sosial kerana adanya konsep orang miskin dan kaya. FFTM menggambarkan kehidupan orang miskin dan kaya dalam plot ceritanya. FFTM menggambarkan kelompok masyarakat India Malaysia di kawasan ladang dan pinggir bandar sebagai golongan yang menghadapi masalah kemiskinan serta kesan sampingannya. Hal ini adalah realiti kehidupan yang sebenar. Walaupun kehidupan orang kaya tidak banyak ditonjolkan dalam FFTM, ketaksamaan sosial di antara dua golongan ini memang dapat diperhatikan.

Seterusnya, perbezaan kelas ini juga digambarkan dalam FFTM sebagai salah suatu faktor yang turut mempengaruhi pemilihan jodoh perkahwinan seseorang individu dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Penemuan kajian menunjukkan bahawa FFTM menonjolkan perbezaan kelas apabila menggambarkan usaha pasangan bercinta untuk mendirikan rumah tangga. Masalah ini timbul apabila para ibu bapa ingin memastikan kedudukan kelas pasangan anak mereka yang bakal berkahwin adalah stabil. Hal ini digambarkan menjadi suatu lagi faktor yang mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Walau apa pun, kajian semasa menunjukkan bahawa kewujudan ketaksamaan sosial dalam isu perkahwinan orang India Malaysia adalah suatu realiti hidup yang tidak dapat dinafikan.

Kuasa adalah suatu lagi unsur yang memainkan peranan penting dalam kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok orang India Malaysia. Hal ini juga dipaparkan dalam FFTM. Aspek kuasa dalam FFTM, digambarkan dipengaruhi oleh dua faktor iaitu gender dan politik/pentadbiran.

Kajian terhadap FFTM menunjukkan bahawa ketaksamaan sosial dari segi gender jelas kelihatan dalam institusi keluarga dalam kelompok masyarakat India Malaysia. Sejak turun temurun budaya India meletakkan kaum lelaki sebagai ketua keluarga dan kaum wanita sebagai golongan manusia yang hidup bersandarkan kaum lelaki.

Oleh hal yang demikian, kaum lelaki dianggap menjadi orang yang paling berkuasa dan berpengaruh dalam keluarga dan institusi sosial yang lain. Penemuan kajian semasa juga menunjukkan bahawa kelompok masyarakat India Malaysia juga tidak terkecuali dalam hal ini.

Penemuan kajian turut menunjukkan bahawa kaum wanita tetap tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya walaupun mereka terpaksa memainkan peranan sebagai ketua keluarga. Hal ini jelas digambarkan dalam FFTM.

Perlu diambil perhatian bahawa walaupun kaum lelaki diberikan kuasa dalam institusi keluarga dan institusi sosial lain, ia bukanlah sesuatu yang boleh dipertahankan jika kelakuan kaum lelaki melanggar norma-norma kehidupan berkeluarga yang sedia ada dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Penelitian terhadap FFTM menunjukkan bahawa kaum lelaki juga boleh kehilangan kuasa dalam institusi keluarga apabila mereka gagal melaksanakan tanggungjawab mereka dan berkelakuan tidak bermoral. Dalam keadaan ini kaum lelaki itu sendiri membuka ruang kepada kehilangan kuasanya yang sudah pun ditentukan oleh budaya dan agama. Dalam keadaan ini, ketaksamaan sosial wujud bukan sahaja dalam keluarganya tetapi juga berbanding dengan kaum lelaki lain yang menjalankan tanggungjawab mereka dengan betul.

Manakala penindasan terhadap kaum wanita juga menggambarkan keadaan wujudnya ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Pelbagai penindasan kaum lelaki terhadap kaum wanita seperti keganasan rumah tangga, tidak mementingkan pendidikan kaum wanita, merogol dan sebagainya seperti mana yang digambarkan dalam FFTM menunjukkan kuasa dominasi mereka terhadap kaum wanita. Ketaksamaan sosial yang wujud antara kaum lelaki dan wanita dari segi unsur kuasa jelas kelihatan dalam FFTM seperti mana yang wujud dalam realiti hidup orang India Malaysia.

Kajian semasa juga menunjukkan bahawa FFTM tidak banyak memberikan tumpuan kepada aspek politik sebagai salah suatu faktor yang mewujudkan ketaksamaan sosial. Namun demikian, kewujudannya tetap dapat disedari menerusi FFTM. Sudah pasti ahli politik akan memiliki kuasa yang lebih besar berbanding dengan rakyat jelata. Kuasa yang ada pada mereka ini membolehkan mereka mempengaruhi serta mendominasi orang lain. Gaya hidup mereka turut berbeza dan membawa kepada ketaksamaan sosial apabila dibandingkan dengan orang biasa. Kajian semasa turut membuktikan bahawa gelaran-gelaran kehormat yang dimiliki oleh ahli politik juga membuka ruang bagi kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia.

Selain itu, kuasa yang dimiliki oleh anggota badan-badan kerajaan juga digambarkan sebagai salah suatu faktor yang turut menyumbang kepada kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. FFTM hanya memuatkan tindakan Polis Diraja Malaysia sebagai satu-satunya badan berkuasa.

Pertamanya kuasa yang diberikan kepada polis dalam mengawal aktiviti tertentu masyarakat digambarkan dalam FFTM sebagai suatu faktor yang penting dalam kewujudan ketaksamaan sosial. Keduanya ketaksamaan sosial juga digambarkan wujud dalam organisasi badan polis, kerana adanya hierarki yang tegas dalam organisasi tersebut.

Suatu lagi aspek yang membawa kepada ketaksamaan sosial berdasarkan faktor kuasa adalah kedudukan ketua dan pengurus dalam sesuatu organisasi. Perkara ini jelas kelihatan dalam struktur organisasi pentadbiran kawasan ladang. Penemuan kajian semasa menunjukkan bahawa layanan pihak pentadbir terhadap pekerja, orang bawahan, tekanan dalam kerja, buli orang bawahan, memberikan hukuman dan sebagainya menjadi unsur-unsur penting dalam menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia yang menetap dan bekerja di kawasan ladang. Aspek ini juga didapati jelas digambarkan dalam FFTM seperti mana yang wujud dalam realiti kehidupan orang India Malaysia.

Perlu diberi perhatian bahawa ada ketaksamaan sosial yang perlu dipertahankan dan ada yang perlu dibanters mahupun diminimumkan. Ketaksamaan sosial yang perlu dipertahankan adalah penting untuk memastikan pergerakan sosial dijalankan dengan lancar. Ini termasuklah nilai menghormati dalam institusi keluarga, status kepada golongan yang mengamalkan nilai-nilai moral, memberikan status kepada golongan berpendidikan, memberikan pengiktirafan kepada golongan berusaha dan sebagainya. Jika tidak wujud

ketaksamaan sosial dalam hal-hal tersebut, maka ia pun boleh menggugat struktur sosial yang sedia ada yang berteraskan pada norma dan nilai kehidupan.

Manakala ketaksamaan sosial yang perlu dibantersa ataupun perlu diminimumkan termasuklah aspek-aspek seperti kemiskinan, penindasan terhadap golongan buruh, penindasan terhadap golongan wanita dan sebagainya yang mewujudkan ketaksamaan sosial adalah strata yang tidak baik dalam kehidupan sosial. Hal ini kerana, ia boleh membawa implikasi negatif seperti pemberontakan, kewujudan masalah sosial, jenayah dan sebagainya. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa penerimaan dan penolakan terhadap ketaksamaan sosial ini adalah bergantung pada kesan yang bakal dibawa oleh ketaksamaan sosial tersebut.

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa FFTM telah menggambarkan ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India Malaysia dengan jelas. Namun demikian, penemuan kajian menunjukkan bahawa tiada FFTM yang menyentuh tentang isu kasta yang memainkan peranan penting dalam kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Isu kasta ini masih wujud dan memainkan peranan yang agak ketara dalam kehidupan orang India Malaysia. Tetapi tiada sebarang FFTM yang dikaji menyentuh hal ini. Begitu juga dengan hal politik masyarakat India yang bergelora daripada masa ke semasa. Hal ini turut melahirkan ketaksamaan sosial yang ketara dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Terdapat pelbagai parti politik orang India Malaysia yang membawa kepada pelbagai tahap ketaksamaan sosial dalam

kalangan para ahli politik. Hal ini turut menjadi suatu aspek yang paling giat dibicarakan oleh pelbagai tahap masyarakat dalam kelompok masyarakat India Malaysia. Perkara ini juga tidak langsung digambarkan dalam FFTM dikaji. Penemuan kajian menunjukkan bahawa tiada unsur-unsur ini di dalam FFTM.

Walaupun ada kekurangan tertentu seperti mana yang dibincangkan di atas, secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa FFTM berjaya memaparkan kewujudan ketaksamaan sosial kehidupan kelompok masyarakat India Malaysia dengan jelas. Walaupun pemaparan ketaksamaan sosial ini bukanlah suatu unsur penting dalam pembikinan sesuatu filem, tetapi kewujudannya adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam filem yang menggambarkan realiti kehidupan kelompok masyarakat India Malaysia. Dengan ini dapat dikatakan bahawa FFTM bukan hanya memainkan peranan sebagai bahan hiburan tetapi juga menjadi alat pemaparan ketaksamaan sosial dalam realiti kehidupan sosial masyarakat India Malaysia.

7.2. Kesimpulan

Secara keseluruhannya objektif pertama kajian semasa dicapai menerusi pendedahan sejarah perkembangan FFTM dalam bab ketiga. Objektif kedua kajian semasa iaitu mengkaji dan mendedahkan kataksamaan sosial yang ditonjolkan dalam FFTM pula dicapai

pada bab keempat, kelima dan keenam menerusi bahagian persembahan data dalam setiap bab yang tersebut di atas. Bahagian analisis data yang dimuatkan pada setiap bab iaitu mulai bab keempat hingga bab keenam pula memuatkan analisis kritis tentang ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam FFTM disertai dengan sokongan penjelasan latar belakang ketaksamaan sosial tersebut. Bab semasa pula memuatkan kesimpulan-kesimpulan serta penemuan-penemuan kajian.

7.3. Cadangan Kajian Lanjut

Media FFTM memang mempunyai potensi komersial yang tinggi. Oleh itu, kualiti penerbitan FFTM haruslah dipertingkatkan. Salah satu cara yang berkesan untuk meningkatkan kualiti FFTM ialah dengan mendedahkannya kepada kajian-kajian ilmiah. Beberapa perkara seperti kajian terhadap gaya arahan FFTM, kajian penilaian plot cerita, kajian terhadap kualiti lakonan dan sebagainya boleh dijadikan subjek analisis. Selain itu, terdapat juga pelbagai unsur sosial dan budaya yang dapat dianalisis berdasarkan plot cerita FFTM. Cadangan ini dibuat untuk meningkatkan kualiti FFTM pada masa akan datang dan juga untuk menghasilkan bahan tulisan yang berwibawa dalam bidang ini. Kajian akademik terhadap FFTM ini akan menjadi salah suatu perkara yang berharga bagi industri profileman Tamil Malaysia pada masa-masa akan datang.